I would again refer here—and I say this is an example of how racial goodwill can be destroyed—to the *Straits Times* of Monday the 3rd April under a heading in page 1 which says: "War in West Irian in 30 days, says the Tengku,,"; then on page 6, that report, under that heading, goes on—using another sub-heading—to say "Tengku on fence-sitting Chinese millionaires"—that statement is an example of how racial harmony can be destroyed, or

can make one race antagonistic towards another. Here, I would read the relevant portions of the report in regard to the Prime Minister's speech—he was speaking in England:

"The Tengku said: We will adhere strictly to the terms of the treaty we have with Britain providing for the stationing in Malaya of British troops. Earlier, the Prime Minister flatly accused Chinese students in Malaya—a very strong force—of trying to dominate Malaya and its people. He said these un-Malayan elements, in rejecting the Government's policy of a united Malaya, thought only in terms of China and the Chinese. They were hoping to assume control of the country on the day China became the controlling power in South-East Asia. But they will not succeed."

Then it goes on further:

"He severely chastised Chinese millionaires who collaborated with Communists, believing Red China would one day assume control in Malaya. He said: These people want the best of two worlds and they are performing the gravest disservice to our country. So far as others are concerned, if the Communists did come here, they would be greatly disillusioned."

Finally, the Tengku touched on the subject of the merger between the Federation and Singapore.

Mr. Speaker, Sir, this large body which the Honourable the Prime Minister referred to as "a very strong force of school-children, un-Malayan in outlook" are Federal Citizens of this country. They are lawful Federal Citizens of Malaya. And how the Honourable the Prime Minister forms the opinion that they are waiting for the day when China will take control of South-East Asia, I do not understand. If there are any grounds for it, let us have them. But I appeal to the Prime Minister and to every politician in this country: do not accuse a race; do not accuse a large body or a section of people of disloyalty to this country when you cannot prove it; that is the surest way of instilling no confidence, of instilling frustration, of planting the seed where Communism, perhaps, will get a foothold.

Then again, on the question of millionaires. On what basis do you say that the millionaires are fence-sitting? I think they are the people who have subscribed largely to the Alliance Organisation Fund, and yet

an attack is made on them. I do not know, if that is an attack on a large section of the Chinese. What will the Prime Minister think of the Indian community of Malaya? Perhaps, since there is no M.I.C. really in existence, they do not count. Anyway, this is an example, I say, of not assisting His Majesty keep democracy alive and the sparks of communal harmony alive, but that it is a sure way of antagonising sections of the Malayan people and—I think I would not be wrong in saying it—the people, who elected me into this House, who elected other Members of my Party into this House, from the Kinta Valley District, in all politeness demand a retraction and an apology from the Honourable the Prime Minister for that statement.

Mr. Speaker, Sir, again speaking on fundamental rights, we have heard a lot about South Africa's apartheid policy; we have heard about heroes getting welcome songs in all parts of the world. Therefore, in Malaya, let us not bring in apartheid in any form; let us not bring in a modified apartheid, because that is what is perhaps happening in this country from day to day.

Now, speaking again on this question of justice, it has been held and often expressed by the Alliance Party that it is dangerous for school-children to be involved in politics, it is dangerous to instil excitement in people of school-going age. Yet, who offends that rule, who breaks that rule? The Alliance Party themselves—and here I must distinguish the U.M.N.O. from the others, because I have no complaints against it so far as that is concerned. The M.I.C. does not exist as a force, therefore it does not matter. The people who offend that rule are, again, the M.C.A.—the M.C.A. with their top leaders. In Ipoh there is an election going on. A few days ago the M.C.A. or the Alliance Party held a rally in Falim. Who came to boost up that campaign? A Hui Nam High School bus carrying Hui Nam students playing music on an Alliance platform and where the Honourable the Minister of Justice was addressing the rally. I have reported that matter to the Police

Station and I have given the number of the vehicle. Witnesses have spoken to the boys who played music and asked them where they came from and they said they came from Hui Nam School. Is that not using school-children? Is that not using persons under 21 years in violation of the Elections Offences Ordinance? Is that not using persons under 21 years without formal authority, in violation of the Election Offences Ordinance? Is that not encouraging these “un-Malayan school-children—a big and powerful force, who are waiting for the day China will come into South-East Asia”? Mr. Speaker, Sir, the P.P.P. has never played on the feelings of school-children. One top official of the M.C.A. in Ipoh gave me an explanation. He said, “They are Hui Nam boys, but they are also members of the Mah Ching.” A political organisation getting boys of 16 to join the Mah Ching—is that the way a responsible Government party conduct itself in this country? Therefore, I gave notice to the Honourable the Minister of Education by telegram that if the M.C.A. does not stop using school-children to boost up their campaigns, the P.P.P. will enter and do counter-propaganda in these schools. Then what are you going to have—What are you going to have? You are going to play with fire, and fire will consume them. I hope the Minister of Internal Security or the Prime Minister himself will see that school-children are not taken to election rallies to play music to boost Alliance campaigns. It has been done in Ipoh and if it is repeated there is going to be trouble. I ask the Honourable the Prime Minister, the Minister of Education and the Minister of Internal Security to see to it that this is not done by the M.C.A.

Mr. Speaker, Sir, I say this: democracy will stand or fall on whether we have free elections or we do not have free elections. In Malaya we must have free elections. Any violence in any place cannot be the reason for suspending them. As far as Ipoh is concerned, I invite all the Honourable the Ministers to come and address public rallies,

but Ipoh on the 13th of May will once again fall back under the control of the People's Progressive Party of Malaya, and there is no use trying to use school-children. There is no use, again, to flout democracy by giving statements to the Press to cause fears in the hearts of the voters as the Minister of Justice has done only yesterday, saying that if the Opposition parties get control of local councils it may be difficult for the Federal authority to do things for that town. What is the meaning of this? Is the Federal Government going to say because Socialist Front controls Penang, P.P.P. controls Ipoh, and P.M.I.P. controls the other two States in this country we are not going to do anything for those towns? I am sure the Honourable the Prime Minister will be the first person to refute such an insinuation. I am shocked! (*Laughter*). How can a Minister of Justice make such a statement that "it may be difficult for the Federal Government to do things if that town falls to an Opposition Party". Mr. Speaker, Sir, say what you like, but Ipoh will fall into the hands of the P.P.P. of Malaya: possibly Kampar, and possibly Teluk Anson too. Thank you.

The Prime Minister: Mr. Speaker, Sir, may I rise on a point of clarification. I have tried to study the amendment, but have not been able to understand the literal meaning of it, or the purpose for it. The Honourable mover would perhaps explain what he intends by this amendment. From the English version, the first part says:

"but regret the failure to mention in the Speech clearly the Government's determination to uphold the principle of justice in its policy in international problems without race discrimination and the failure to mention in the Speech Government's promise not to act contrary to the interests of the country . . ."

—I do not know what promise he refers to—

" . . . in international issues, such as making a gift of \$11,000,000"

and so on. Therefore, I think, before we could rightly deal with this amendment, it would be better if the Honourable Member would clarify

his amendment to Members of this House.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa chukuplah Yang Amat Berhormat itu memberi keterangan. Malam itu Yang Berhormat itu tidak ada di-sini, jadi maksud saya ia-lah hendak memelihara dasar ke'adilan. Sa-malam sa-telah menerangkan bahawa di-dalam chara politik International baharu² ini kita champor tangan berkenaan dengan Laos. Sebab²-nya kita champor tangan ia-lah hendak membela hak mereka itu di-dalam kebebasan beragama dan kebudayaan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah saya katakan patut dasar itu di-tetapkan dan tidak memilih siapa juga tetapi menjalankan-nya dengan 'adil-nya. Ada pun berkenaan dengan Vietnam, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita memberi banyak perbelanjaan kepada negeri itu maka ia-itu berlawanan dengan kepentingan negeri ini. Pertama untuk melibatkan negeri kita dalam perkara² International di-dalam kedudukan membantu sa-buah negeri dengan senjata.

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, menurut keterangan yang telah di-berikan oleh Yang Berhormat tadi, saya faham tujuan-nya dalam lapangan politik jangan-lah kita menyebelah kamana² pehak dan kerana kita baharu² ini telah menolong Vietnam kita sudah menyebelah kepada satu pehak, itu-lah tujuan-nya saya faham.

Mr. Speaker: Nampak-nya, masalaah ini ada dua. Yang pertama memelihara dasar ke'adilan dan yang kedua masalaah yang berlawanan dengan kepentingan negeri. Betul-kah itu?

The Prime Minister: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kebenaran dapat di-terjemahkan dengan betul ka-bahasa Inggeris kerana motion itu ia-lah di-terbitkan atau di-jalankan pada mulanya oleh wakil kita dari Larut, barangkali ia tidak faham, kalau dapat bekerjasama supaya membetulkan apa maksud yang sa-benar-nya di-terjemahkan dalam bahasa Inggeris, kalau tidak tentu jadi keliru.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Menurut fahaman saya tidak sedap

terjemahan itu. Itu menurut fahaman saya.

Mr. Speaker: Saya sendiri tidak bertanggung-jawab atas terjemahan itu. Saya tidak tahu, pada siapa kita hendak tanggung-jawabkan.

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Kalau saya hendak bertanggung-jawab, dengan kemurahan hati Tuan Yang di-Pertua, boleh-lah saya keluar membuat-nya.

Dato' Onn bin Ja'afar: Tuan Yang di-Pertua, itu ia-lah tanggung-jawab Dewan Ra'ayat (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Tiap² pindaan hendak di-bawa kepada Tuan Speaker, hendaklah datang 24 jam lebeh dahulu, supaya boleh di-terjemahkan dengan betul.

The meeting suspended for ten minutes.

Sitting suspended at 11 a.m.

Sitting resumed at 11.15 a.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Amendment again proposed.

The Minister of Transport (Enche' Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak berchampur dalam perbahathan dalam maudhu' yang sedang di-bahathkan itu, pertama sa-kali saya menguchapkan ber-banyak² terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah mengetahui di-dalam soal Kementerian saya, pada dasar-nya hendak membaiki keadaan² orang² Melayu dari segi pengangkutan. Walau pun saya dengar banyak pula pendapat² yang tidak menyentoh Kementerian saya, ini berm-a'ana Ahli² Yang Berhormat bersetuju atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekarang ini tiga ratus buah taxi telah di-berikan kepada orang² Melayu. Saya percaya dapat saya memberikan sokongan penoh kepada pehak² ra'ayat dan menjalankan ikhtiar memberi taxi² itu kepada tempat² yang berkehendakkan-nya supaya menyen-angkan orang² di-kampong². Tetapi dalam soal bas, sunggoh pun tidak di-nyatakan saya telah memanggil tuan

punya bas kerana berunding supaya menerima share² daripada orang² Melayu.

Enche' K. Karam Singh (Daman-sara): Mr. Speaker, Sir, on a point of order, S.O. 36 (1). I do not like to interrupt the Honourable Minister, Sir, but I think the Speech has no bearing on the amendment. We are debating on the amendment now.

Mr. Speaker: Yes, but he can also talk on the Speech as well.

Enche' K. Karam Singh: He can?

Mr. Speaker: Yes.

Enche' K. Karam Singh: Then I am much obliged, Sir.

Enche' Sardon: Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab gangguan itu barangkali saya telah terlupa perkara² yang saya hendak chakap. Semenjak saya memegang jawatan Menteri Pengangkutan saya telah usahakan 7 buah sharikat bas dan sa-buah daripada 7 buah itu ada di-sebutkan di-dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ia-itu sa-buah lagi itu siapa yang membacha surat khabar tahu-lah saperti di-Jerantut, Pahang sana, Sabak Bernam. Saya menguchap-kan terima kaseh kepada Pengerusi dan ahli² Pelesen Pusat di-Kuala Lumpur yang telah banyak memberi bantuan ini dan Pesurohjaya Awam dan lima orang ahli yang di-lantek dari-pada orang² yang terkenal daripada segi kehakiman, dua orang doktor dan dua orang lagi baharu kita lantek ia-itu Enche' Cheah Ewe Keat, mereka itu hari ini juga sedang bermeshuarat.

Saya suka menerangkan kepada pehak Parti Pembangkang Yang Berhormat wakil dari Bachok, Pesurohjaya Pengangkutan Jalan Raya sentiasa memberikan kerjasama-nya dan ini menunjukkkan Kementerian Pengang-kutan sudah mengator kerja²-nya. Di-dalam bulan lapan ini ia-itu pada 9hb August ini pegawai yang menjadi Pesurohjaya itu akan belayar mening-galkan Tanah Melayu ini. Saya harap tolong-lah ambil ingatan. Sa-perkara lagi ada tudohan² mengenai Kemen-terian Pengangkutan ini sa-benar²-nya tidak betul ia-itu soal memelayanise-kan pegawai² itu, sebab kalau sa-orang

sahaja yang tinggal lagi dan pula chuma 4 bulan lagi akan meninggalkan Tanah Melayu ini, dan itu di-buat chontoh. Ini-lah menunjukkan bukti-nya tidak benar. Saya minta-lah pihak pembangkang bertanggung-jawab sedikit kalau-lah barangkali tidak dapat keterangan yang penoh maka saya bersedia memberikan kerjasama kira-nya mereka mahu tahu hal ini.

Saya berasa silu, tetapi malam tadi sampai saya berdiri kerana hendak memberi penerangan supaya jangan sampai panjang nanti Ahli Yang Berhormat itu di-tudoh orang yang ta' tahu hujong pangkal dari segi policy dengan pentadbiran, tetapi kata-nya—saya boleh jawab, ta' apa-lah saya dudok. Jadi hari ini saya hendak terangkan. Dalam Kerajaan Perikatan Menteri² yang tugas-nya bertanggung jawab atas dasar policy dan policy itu ta' boleh dimasukkan sa-chara implementation atau menjalankan-nya, tetapi kalau-lah menjalankan kuasa tidak betul atau tidak tetap, tolong Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan Menteri yang berkenaan, bukan saya sa-orang sahaja supaya kami menguchapkan terima kaseh dan memperbaiki chara² bagi menjalankan policy itu, tetapi saya berani berchakap dari segi Kementerian Pengangkutan Jalan Raya, kalau-lah sudah 300 peratus mengeluarkan kereta sewa kepada pihak orang Melayu dan sudah terang berapa bulan sahaja 6 bulan-7 bulan sudah 7 bas company yang 100 peratus Melayu termasuk dua sharikat bas yang paling besar dan terkenal di-Persekutuan ini.

Kalau ini juga pihak pembangkang—Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Bachok tidak puas konon-nya saya ini jadi patong kepada pihak dari pegawai Pesuruhjaya maka saya ta' tahu-lah apa yang hendak saya jawabkan, tetapi saya sekarang ini menegaskan bahawa saya sa-bagai Menteri Pengangkutan menapikan dengan sakeras²-nya tuduhan Ahli Yang Berhormat wakil dari Bachok yang telah di-uchapkan lewat malam tadi mengatakannya baharu² ini ada cerita—konon-nya cerita, tetapi lebih umpama-nya bercherita ta' bertanya dengan Menteri sendiri yang pegawai Pesuruhjaya itu pegawai kulit putih konon-nya ta'

payah sebutkan nama-nya—ia ada di-sini. Jadi saya minta-lah mengatakannya yang saya konon-nya panggil pegawai itu, berchakap dengan pegawai itu suroh menjalankan dasar policy, konon-nya ia bilang kalau itu-lah policy-nya saya berhenti dan saya senyum diam. Ini-lah hendak menunjukkan barangkali salah orang, kalau-lah Sardon Menteri Pengangkutan bukan -chakap ria (takbor)—tidak, muka ini-lah konon-nya hendak diamkan dasar policy tentang soal ini maka ini menunjukkan pada orang ramai Sardon tidak layak menjadi Menteri Pengangkutan. Tetapi kalau Sardon tidak layak menjadi Menteri Pengangkutan maka ra'ayat-lah yang menjadi hakim, dan kebolehan serta kemajuan yang saya telah dapat kerjasama yang sa-penoh-nya daripada Pesuruhjaya yang ia pun pegawai kulit putih dengan memberi kerjasama yang penoh yang telah menjalankan bukti²-nya itu dan juga pegawai² yang bukan expatriate termasuk pegawai² dari seluruh bangsa dan ugama dalam Kementerian saya konon-nya memberi kerjasama yang penoh menunjukkan bukti bahawa sungutan² yang begitu lama itu dapat di-jalankan dengan baik.

Ini sa-patut-nya dapat Ahli Yang Berhormat itu sa-kurang²-nya pun menyebutkan jasa² orang ini, bukan saya hendak tetapi sa-balek-nya kalau tujuan² parti pembangkang ini hanyalah hendak melagakan Menteri² dengan Ketua² Pejabat, ada-kah ini satu dasar tujuan parti PAS terhadap pihak kami. Minta-lah tolong sedikit. Sa-balek-nya saya minta-lah nama pegawai saya itu—Pesuruhjaya yang ta' dapat menjawab sa-bagai sa-orang Ahli Yang Berhormat di-sini supaya saya sa-bagai Menteri yang menjawab-nya ia-itu ia telah memberi kerja dengan bersungguh² dengan mana telah menjayakan segala tugas² yang sa-benar-nya kita berikan kepada dia pada tahun ini membetulkan susunan Majlis Pelesen Pusat dan Majlis Pelesen Tempatan dalam negeri² yang ada 9 buah dan ia telah mengatorkan kerja² dan ia juga telah memberi peluang kepada timbalan-nya Enche' Jalani, sa-orang pemuda Melayu yang pada hari ini bersidang sa-bagai Pengerusi—meshuarat ya'ani ada perkara yang di-

bicharakan ini tentu-lah kita ucapkan tahniah dan mudah²han bukan sahaja ia akan meninggalkan kita, tetapi akan menggantikan segala pegawai² dalam Kementerian Pengangkutan saya yang akan memberi kerjasama yang penoh kepada pehak orang ramai dan saya minta-lah supaya Ahli Yang Berhormat itu memberi kerjasama-nya.

Berbalek kepada Pantai Timor nasib saya juga, tetapi saya ada mendengar yang Menteri Pengangkutan ka-Pantai Timor tuduhan di-sana sini, tetapi saya mengaku buat diri saya-lah yang sa-benar-nya baharu pulang sa-belum rombongan yang lima orang itu pergi—saya pergi sa-orang sahaja (*Ketawa*). Saya terbang di-awang² dari Kuala Lumpur ka-Kota Bharu mendesak Malayan Airways mengadakan terbang itu terus dari Kuala Lumpur ka-Kota Bharu bagi menyenangkan ra'ayat Pantai Timor, bukan soal PAS atau Perikatan, tetapi kewajipan saya sa-bagai Kementerian saya yang bertanggung jawab atas soal penerbangan awam—sa-orang sahaja (*Tepok*). Saya sampai di-sana saya fikir barangkali ada juga sa-siapa pehak Negeri yang hendak bertukar² fikiran, hendak bertanyakan apa². Soal ini bukan saya yang mengator, Malayan Airways yang mengator dan saya mendapat tahu daripada Manager Malayan Airways telah menjemput Menteri Besar dan Setia-Usaha Kerajaan serta orang² kenamaan, tetapi apabila saya sampai ka-padang kapal terbang tengok katimor ka-barat—eh ta' ada sa-orang daripada pehak Negeri datang. Sudah-lah itu saya sabar juga kerana *innallah ha ma'assabirin* itu ada dalam hati. (*Ketawa*). Sabar juga. (*Ketawa*).

Mr. Speaker: Bahasa Arab itu ta' boleh gunakan. (*Ketawa*).

Enche' Sardon: Saya akan terjemahkan, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*). Tuhan akan beserta kepada mereka yang sabar (*Ketawa*). Jadi sebab itu-lah pehak PAS atau Persatuan Islam tentulah barangkali menyokong saya atas perkara itu.

Kemudian saya pergi ka-sabuah hotel kerana di-sana di-adakan jamuan tengah hari, saya menunggu kalau ada Menteri Besar atau pun wakil-nya, tetapi tidak

ada juga (*Ketawa*). Jadi apabila saya hendak balek wakil surat khabar tanya saya macham mana comment daripada negeri Kelantan. Saya kata tanya pehak negeri Kelantan, saya datang dari Persekutuan. Tentang janji saya kepada ra'ayat saya akan memberi kesenangan sa-berapa daya yang boleh. Penerbangan dari Kuala Lumpur ka-Kota Bharu hanya 84 minit dengan harga yang sa-paroh, ini janji saya sa-bagai Menteri Pengangkutan, perjalanan dan perhubungan-nya elok, lekas, dan baik. Ada-kah saya dapat kerjasama? Saya tidak menuntut kerjasama. Saya tidak mendapat chadangan daripada pehak sa-belah sana sama ada hendak di-adakan dua kali sa-minggu atau sa-bagai-nya. Ini menunjakkan chontoh, tidak usah-lah hanya melemparkan kepada pehak kami, saya bukan melempar tuduhan², ini perkara hak dan benar. Kemudian timbul kata² dalam surat khabar begitu dan bagini. Mengapa tidak talipon kepada saya, kita bukan tidak ada talipon? Perkara ini tidak elok kalau di-antara sa-buah negeri dengan sa-buah negeri di-siar dalam surat khabar, kerana kita ada peratoran, saya minta peratoran ini dapat di-jalankan.

Yang kedua, tiap² kali saya melawat Pantai Timor sa-bagai Menteri Pengangkutan saya terlebih dahulu memang memberi tahu kepada pehak yang bertanggung jawab di-sana. Saya perchaya Ahli² Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri atau pun Dewan Ra'ayat barangkali faham dan tahu. Saya minta kita hendak-lah bertimbang rasa.

Sa-malam saya mendengar Yang Berhormat dari Tanah Merah merah padam mabok dengan perkataan apartheid, tetapi ada-kah beliau faham sa-benar² apa ma'ana apartheid itu? Kalau pehak pembangkang selalu mengatakan kita ini patong penjajah, stooge penjajah, sekarang ini pehak pembangkang ia-itu PAS. sedikit² apartheid. Saya dengar pun tidak sedap, kerana ma'ana-nya salah. Soal dasar apartheid telah kita perjuangkan, Alham-dulillah shukur kepada Allah yang Afrika Selatan telah menarek diri daripada menjadi ahli Commonwealth. Ini menunjakkan kemenangan kita. Tetapi ada-kah Kerajaan Perikatan dan

Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang telah menghadiri Persidangan Perdana² Menteri Commonwealth di-London yang telah menjadi jagoh yang paling berani telah pun dapat dengan alasan² dan sokongan yang lain menyebabkan South Africa menarek diri kerana tidak sesuai dengan keadaan, di-tuduh pula yang Kerajaan Perikatan menjalankan dasar apartheid dalam negeri ini—siapa yang mahuperchaya soal ini? Soal apartheid ini kita sendiri yang memperjuangkan, kita sendiri tidak faham. Saya minta pehak PAS. yang selalu menyebutkannya itu tukar dan chari-lah perkataan yang sesuai dengan keadaan negeri kita. Saya singgah 4 hari di-South Africa, di-dalam tahun 1941 saya tahu dasar apartheid yang di-jalankan disana, ia-itu tidak memberi hak kepada orang yang warna-nya tidak puteh. Kalau kami dan Kerajaan Perikatan menjalankan dasar apartheid, barangkali orang yang kita tidak suka tidak sa-orang pun boleh masuk dalam Dewan Yang Berhormat ini (*Tepok*). Di-sini mabok dengan apartheid, saya ingatkan appetite, dalam bahasa Inggeris appetite itu selera (*Ketawa*). Tetapi ini apartheid pun tidak, appetite pun tidak.

Oleh itu, saya minta Yang Berhormat² apabila mengeluarkan perkataan tolong chermat sedikit. Di-ketawakan oleh dunia, kerana penganjor Malaya telah menentang dasar apartheid dan telah berjaya, tiba² di-katakan Kerajaan negeri ini menggunakan apartheid, dimana dudok-nya orang yang saperti ini?

Dato' Onn bin Ja'afar: On a point of explanation, Sir, pada fahaman saya wakil dari Pasir Emas

Enche' Sardon: Tanah Merah.

Dato' Onn bin Ja'afar: tadi tidak membangkitkan perkara "racial apartheid" yang di-sebutkan-nya ia-lah "political apartheid".

Enche' Sardon: Dia menyebutkan apartheid

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Yang sa-benar-nya, saya menyebutkan political apartheid,

barangkali telinga-nya sa-belah mendengar, sa-belah tidak.

Mr. Speaker: Tarek balek!

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Saya tarek balek.

Mr. Speaker: Saya sendiri mendengar dia kata political apartheid (*Ketawa*). Please proceed!

Enche' Sardon: Kalau political apartheid pun ma'ana-nya sa-rupa, dasar apartheid di-South Africa tidak ada sa-kerat². Rakan saya Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri akan menjawab soal itu. Tetapi saya minta kepada Ahli² yang Berhormat supaya soal menaikkan semangat menyebut² warna merah itu tidak usahlah di-sebut², kerana saya sendiri orang muda (*Ketawa*) saya minta barangkali orang yang lebih tua dapat menolong orang muda supaya tidak menggunakan perkataan yang di-sebutkan warna merah kerana berdensing² telinga saya apabila mendengar-nya.

Saya tidak suka berchakap panjang. Walau bagaimana pun, saya sa-bagai sa-orang daripada Menteri Perikatan yang Kerajaan Perikatan telah berjanji dan bukan hanya janji kosong bahkan telah melaksanakan dan menjalankan, bukan satu, dua, tiga dan empat perkara bahkan banyak perkara. Tetapi perkara² yang belum dapat di-jalankan itu tentu-lah sedang di-siasat, sedang di-laksanakan tentang soal yang bersangkutan, terutama sa-kali bersangkutan dengan kewangan.

Sa-belum saya dudok, saya suka menerangkan kepada pehak pembangkang tentang perintah (directive) daripada saya sa-bagai Menteri Pengangkutan yang mana Ahli² Yang Berhormat telah baca telah mengeluarkan tiga perintah. Yang pertama, terhadap kepada taxi² yang di-beri kepada orang Melayu yang di-kehendaki ia sendiri membawa supaya ia dapat untong, tidak payah menggaji orang, tetapi kalau ia uzur dan sakit beri-lah kepada orang Melayu, kerana dengan jalan itu ia memberi pertolongan kepada orang Melayu yang tidak ada kerja. Ini telah di-perintahkannya ia-itu tidak boleh di-beri kepada orang yang bukan Melayu,

sebab ia dapat taxi itu kerana keistimewaan ia-itu quota orang Melayu. Saya perchaya pehak orang Melayu memang menyokong penoh, terutama sa-kali pembawa kereta yang kurang dapat kerja itu-lah peluang dapat kerja dengan orang Melayu sendiri. Yang kedua, berkenaan dengan kampeni² bas, lori yang bukan Melayu apabila mereka hendak minta tambah bilangan bas kerana hendak berjalan di-situ, maka peratoran-nya di-mestikan menerima modal daripada orang Melayu dan nama² orang Melayu itu hendaklah di-beri kepada Lembaga Pelesen supaya di-siasat, bukan-lah dengan nama sahaja. Dan bagitu juga Kementerian dan Lembaga Pelesenan akan mengetatkan lagi soal ini, dan perkara yang telah terjadi meminjamkan nama itu tidak sesuai dengan kehendak polisi menolong orang Melayu. Yang ketiga, kita hari ini banyak membuka kampung baharu, orang-nya tidak bagitu ramai, kalau mereka meniaga bas, barangkali boleh jadi rugi atau pun tidak ada orang yang meminta. Kalau tidak ada orang Melayu dalam lengkongan itu meminta kerana jalan baharu tidak untung, maka kita akan menimbangkan kepada sharikat yang modal orang Melayu lebeh, kalau tidak ada juga, barangkali kena-lah kita nasehatkan orang di-situ supaya berhubung dengan RIDA. Apabila RIDA memohon jalan yang baharu itu tempat yang tidak bagitu untung dapat bekerjasama dengan orang di-situ kita beri keistimewaan kepada RIDA.

Ketiga² perentah yang di-keluarkan oleh Kementerian saya ini mudah²an dapat pandangan dan kerjasama dari Ahli² Yang Berhormat dan orang Melayu seluroh-nya, dan insha-allah kita akan dapat kemajuan yang besar dari satu masa ka-satu masa dalam segi pengangkutan 'awam (*Tepok*).

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sudah saya nampak dan pelajari ucapan²-nya itu, Tuan Yang di-Pertua, maka ada-lah saya akan memberi buah fikiran di-dalam soal ini. Pertama ia-itu

uchapan Duli Yang Maha Mulia itu berbunyi: "Beta bersama² dengan Raja Permaisuri Agong akan memberi sa-penoh² perkhidmatan kepada ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu dan juga dengan sa-berapa daya Beta dengan pertunjok Allah subhanahu wata'ala memelihara atas dasar² demokrasi dan pemerentahan yang berpelembagaan". Di-dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa besar hati atas ucapan Duli Yang Maha Mulia itu.

Tuan Yang di-Pertua, menurut ucapan itu bahawa ia akan memelihara seluroh ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu ini, maka saya berpendapat ra'ayat seluroh Persekutuan Tanah Melayu ini bererti juga termasuk ra'ayat daripada negeri Kelantan dan Trengganu. Jangan-lah hendak-nya walau pun sedikit di-perbedza²kan pelaksanaan apa juga tentang hal memajukan ra'ayat. Saya minta kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia itu sebab baharu² ini Yang Berhormat Menteri dalam lawatan-nya ka-Pantai Timor telah mengatakan bahawa Kerajaan tidak akan memberikan bantuan kepada ra'ayat di-Kelantan dan Trengganu, jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau bagitu perhubungan kerjasama antara State dengan Federal dalam memajukan ra'ayat di-seluroh Persekutuan Tanah Melayu ini tidak-lah nampak-nya berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya masok dalam bidang kesehatan

Mr. Speaker: Kenapa-kah tidak ditandakan lebeh dahulu (*Ketawa*).

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tidak ada bernombor, Tuan Yang di-Pertua. Di-dalam soal kesehatan, Tuan Yang di-Pertua, memang bagus ia-itu mengikut ucapan Duli Yang Maha Mulia itu. Akan tetapi saya minta pertolongan daripada pehak Menteri Kesihatan supaya dapat memberi nasihat kepada Doktor² yang tidak berapa bagitu mengambil indah kepada ra'ayat yang datang berubat di-Hospital. Kita mengharapkan orang² kampung itu pergi meminta ubat di-Hospital, kerana orang² kampung ini belum berapa perchaya dan yakin dengan ubat² di-Hospital dan mereka maseh lagi perchaya berubat dengan bomoh² di-kampong². Kalau boleh biar-lah doktor²

itu memberi layanan yang baik kepada orang² sakit itu supaya orang² sakit itu tertarik hati-lah dengan layanan² yang baik itu. Sa-tengah-nya mengatakan apa guna pergi ka-Hospital, bukan di-pereksa-nya, bahkan kadang² di-tanya pun tidak, terus di-beri satu surat untuk mendapat ubat. Tidak di-pereksa betul².

Tuan Yang di-Pertua, jadi ada juga di-antara doktor² itu daripada orang perempuan. Sa-patut-nya perempuan² itu biasa-nya bersifat lemah lembut, lebeh² lagi kepada orang² tua. Tetapi ada juga mereka berbuat kasar sifat-nya sa-hinggakan boleh mengechikan hati patient yang datang berubat itu. Saya bertanya ada doktor² itu konon-nya datang dari luar negeri bekerja di-sini dengan sa-chara konterek. Mung-kin barangkali kerana mereka mahu tidak mahu dengan konterek-nya sakian² tahun maka dengan sebab itu mereka bekerja tidak dengan sa-chara betul. Jadi itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan-lah hendak memburokkan, apa nama-nya Tuan Yang di-Pertua? . .

Mr. Speaker: Jangan tanya kepada saya! (*Ketawa*).

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Saya, Tuan Yang di-Pertua, chuma meminta kepada Yang Berhormat itu kerana Yang Berhormat itu sentiasa memberi nasihat kepada orang² yang di-bawah-nya supaya membuat perkara² yang belum lagi memuaskan. Jadi saya minta kepada Menteri yang berkenaan menasihatkan doktor² itu supaya memberi pertolongan dalam soal memper-baiki kesihatan ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya pergi kepada soal pelajaran. Dalam soal pelajaran ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berulang lagi—ya, saya tidak akan bosan untuk meminta Sekolah Rumah-tangga bagi anak² perempuan di-buat di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Walau pun ucapan Duli Yang Maha Mulia menyebutkan bertambah-nya sekolah² di-sana sini ia-itu Sekolah Pertukangan Menengah dan Sekolah Teknik Menengah mengikut chara baharu akan di-adakan dan begitu juga Sekolah Lanjutan Kampong di-kawasan luar bandar yang memberi pelajaran yang berguna untuk membuat sa-suatu

di-kampong akan bertambah bilangan-nya, tetapi sayang-nya dukachita di-nyatakan bahawa di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu ini tidak ada satu pun Sekolah Rumah-tangga khas bagi anak² perempuan yang ada dalam Persekutuan Tanah Melayu ini, kechuali hanya satu di-Johor Bharu ia-itu yang di-adakan oleh Negeri Johor.

Saya mahu Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kalau betul² hendak memajukan wanita kita Tanah Melayu ini maka dasar yang utama sa-kali beri-lah pelajaran rumah-tangga dengan mengadakan Sekolah Rumah-tangga yang lengkap pelajaran-nya termasuk pelajaran berkenaan dengan memasak dan menjahit serta lengkap dalam pelajaran yang boleh di-gunakan untuk mereka itu jikalau ada sa-suatu hal menimpa kemalangan di-belakang hari maka ia boleh betulkan sendiri untuk menjaga anak² dan rumah-tangga-nya, dan ia boleh menchari mata-pencharian-nya mengikut saloran yang di-ridzai oleh Tuhan supaya tidak terpaksa sa-bagaimana yang banyak sekarang wanita² itu tidak mempunyai pelajaran yang betul dalam soal rumah-tangga kerana tidak ada pendidekan dalam soal itu. Maka dengan yang demikian banyak-lah pemuda² kita yang kechiwa dalam penghidupan bekerja di-kedai² kopi sa-bagai pelayan, akhir-nya sudah pergi kepada perempuan yang tidak kita ingini dari bangsa kita dalam Tanah Melayu ini dan ini akan merebak dengan sa-chara banyak ia-itu kaum pelachor. Maka dengan ada-nya Sekolah Rumah-tangga itu sa-kurang²-nya tiap² bandar besar di-adakan satu Sekolah Rumah-tangga yang boleh di-katakan berdasarkan dengan dasar pelajaran kampong ia-itu dari darjah IV sa-kurang²-nya dua tahun menerusi pelajaran mengikut kemahuan dan kerajinan wanita itu.

Di-sini di-sebutkan Sekolah Pertukangan Menengah. Alang-kah baik kalau sa-kira-nya Sekolah Pertukangan Menengah bagi anak laki² itu dan juga bagi anak² perempuan di-adakan di-tiap² kampong. Sekarang saya teruskan kepada soal ugama. Uchapan Duli Yang Maha Mulia itu berbunyi—

Kapada ra'ayat Beta yang beragama Islam, Beta suka hendak memberi sedikit nasihat ia-itu hendak-lah mereka bersikap

saling mengerti dan menghormati agama lain. Koran dan Rasullullah mengajar kita berbuat demikian. Kerajaan Beta sentiasa sadar yang Islam ada-lah agama rasmi negara ini.

Saya sangat bersetuju dengan isi ucapan Duli Yang Maha Mulia itu, tetapi saya merasa sedikit mushkil, kenapa maka Duli Yang Maha Mulia itu hanya memberi nasihat kepada ra'ayat yang beragama Islam sahaja sedangkan tidak ada tersebut nasihat kepada saudara² ra'ayat Duli Yang Maha Mulia itu yang beragama asing supaya juga menghormati agama Islam kita ia-itu agama rasmi dalam negeri kita ini. Kenapa, Tuan Yang di-Pertua? Saya mendapat tahu dan mendengar juga di-sana sini maseh banyak lagi di-antara saudara² yang beragama asing tidak berapa mengambil berat sa-akan² merendahkan agama kita di-mana tidak berapa lama dahulu ada terjadi dalam Royal Malayan Navy (*di-sampok*). Diam!

Mr. Speaker: Proceed!

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Yang di-Pertua, sa-orang pegawai orang puteh telah menghina²kan agama kita dan mengatakan orang "chief" yang berpangkat itu juga daripada bangsa Melayu. Kata-nya tidak perlu kamu pergi sembahyang juma'at dan kalau pergi sembahyang Juma'at boleh menghabiskan masa sahaja. Kalau boleh hari Juma'at ini mahu di-tukarkan kepada hari minggu—Ahad.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi kata²-nya itu dan ini kalau sa-kira-nya pehak Kementerian berkehendakkan perkara orang itu dalam soal ini, saya ada mengiriskan telegram kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan dalam soal yang terjadi di-Royal Malayan Navy itu ia-itu beberapa orang daripada mereka yang pergi sembahyang Juma'at. Konon-nya dua jam pergi sembahyang Juma'at itu maka sa-orang daripada mereka itu dua jam harus di-gantikan hari Ahad—balek mesti kerja. Dan sudah 6 jam di-gantikan 6 jam tetapi kerja tidak siap maka orang itu tidak di-keluarkan sa-lama 10 hari tidak boleh keluar rumah ia-itu berjumpa dengan anak isteri-nya. Ini "chief" mempunyai sa-orang isteri, 10 orang anak kecil, di-rumah tidak ada lampu

letrek kerana menyewa rumah kechil yang tinggal di-bawah pokok getah. Ayer mesti di-angkat di-luar daripada rumah kerana jauh, jadi terpaksa-lah ayer itu di-pikul dalam baldi untuk memandikan anak²-nya. Maka kebetulan pula saya berjalan di-rumah beliau itu saya terlihat isteri-nya menangis, kerana kata-nya suami-nya kena hukum 10 hari tidak boleh balek ka-rumah. Sekarang saya mesti kerja di-rumah, anak²-nya berumor kalau ta' salah 8 tahun kechil² lagi. Jadi dengan itu saya telah mengiriskan sa-puchok taligram kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang pada ketika itu tidak ada di-sini—Pantai Timor. Saya tidak tahu, hanya membacha dalam surat khabar sahaja. Maka saya minta-lah dengan kebijaksanaan daripada Kementerian Pertahanan supaya "chief" itu di-lepaskan, tetapi kerana beliau tidak ada di-Kuala Lumpur pada ketika itu maka orang itu terus juga menjalankan hukuman-nya sa-lama 10 hari.

Mr. Speaker: Saya hendak mengingatkan di-bawah Standing Order 36 (8) ada di-sebutkan: Kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli² Yang Maha Mulia Raja² Melayu atau Yang Terutama Gubenor Pulau Pinang dan Melaka atau Hakim² dan lain² orang yang menjalankan ke'adilan mahkamah atau ahli² Majlis Pasokan Bersenjata tidak boleh di-sebutkan perkara itu—tidak boleh di-sebutkan, melainkan ada dalam satu usul yang khas daripada yang ini. Dalam bahasa orang puteh-nya: The conduct or character of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, of any of Their Highnesses the Rulers, of Their Excellencies the Governors of Penang and Malacca, of Judges or other persons engaged in the administration of justice, of members of the Armed Forces Council or of any Service Commission established under Part X of the Constitution, of members of the Election Commission, or of sovereigns of friendly states shall not be referred to except upon a substantive motion moved for that purpose. Kapada members of the Armed Forces Council tidak boleh di-sebutkan dalam

ini—ini khas. Saya hendak mengingatkan, itu sahaja.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Di-sini kerana tadi Duli Yang Maha Mulia itu memberi nasihat kepada ra'ayat Islam sahaja.

Mr. Speaker: Jangan pergi kepada perentah saya itu.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Terima kaseh.

Mr. Speaker: Berapa lama lagi hendak berchakap.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Sadikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau begitu saya sambong lagi.

Mr. Speaker: Kalau sadikit lagi habiskan.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Saya akan sambong lagi.

Mr. Speaker: Majlis ini di-tempohkan sa-hingga pukul 8.30 malam ini.

Sitting suspended at 1.00 o'clock p.m.

Sitting resumed at 8.30 p.m.

(Mr. Speaker in the Chair)

THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH

ADDRESS OF THANKS

Debate resumed.

Amendment again proposed.

Enche' V. David (Bungsar): Mr. Speaker, Sir, while making references to the amendment proposed by the P.M.I.P., at the same time I would like to touch on certain points mentioned in the Gracious Speech itself in order to avoid wasting time. Sir, on the first page of the Speech we find that it says,

"You have shown that although our nation is young we have been able to uphold the high tradition of democratic government."

Sir, when we dwell on this subject, a person normally can talk at length on the various aspects of a democratic

government. It is to my surprise, Sir, that the Honourable Prime Minister in his speech last evening in one of the places in Kuala Lumpur had made certain statements, which cannot be left unchallenged or commented. His statement goes on to say that the Government can declare certain areas as black spots without having elections in future. I am, Sir, now reading a statement of his made last evening. He says,

"My object in coming here is to warn and to advise that such an incident must not happen again. This incident has brought discredit to democracy in Malaya. If such a thing happens again, the areas where they occur will be declared black spots and elections may not be held again until the people themselves understand the meaning of democracy and the purpose of having elections."

Sir, this is quite contrary to the Speech made by the King. This speech was made by the Honourable the Prime Minister at Jinjang where the Socialist Front had a complete victory in the recent local government elections. I must tell the Prime Minister that the people of Jinjang do understand and are conscious of the democratic rights embodied in the Constitution of this country. It is not for the Prime Minister or any member of the Alliance to teach them democracy. He would be doing a great service to the people of this country if he can teach democracy to the people under him, who are responsible for the ugly incidents during local elections.

Sir, this morning I understand the Honourable Member for Ipoh has given a very clear analysis of local elections and the prominent role played by the Malayan Chinese Association Youth Section in using violence in local elections. Sir, I will now challenge the Prime Minister that if he is really sincere in his attempt to uphold the high traditions of democracy he should then institute a proper enquiry into the Malayan Chinese Youth Section. If such an enquiry is instituted, the findings of the enquiry will bring home the fact that whether or not these people who are members of this Organisation have been or would be responsible for violence in the local elections. Sir, it serves no purpose on the part of the Prime Minister to make serious allegations against Opposition Parties,

but he must understand that the Malayan Chinese Association, which is supposed to be partner of the Alliance, has failed completely to win over the confidence of the people of this country. As a result of that, today they have changed their name and colour by calling themselves the Malayan Chinese Youth Section. Nobody in this country hear about the Malayan Chinese Association, but we do often hear about the Youth Section and the Youth Section is today accommodating most of the "number one" thugs and gangsters and it is for the police and the Government to probe into this to ascertain the accusations made by the Opposition Members. But I must warn that if the Government has any intention of declaring black spots wherever they have failed in the Elections, then I am afraid to say that the real purpose of democratic parliamentary system of Government has been defeated.

Sir, coming to industrial relations, I find here on one of the pages in the King's Speech, a passage which reads :

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: Ya, wakil Tanah Merah, dan lain² lagi. Ini terserah-lah kepada Jawatan-Kuasa Penyiasat yang telah di-tubuhkan baharu² ini, maka saya perchaya wakil dari Tanah Merah pun telah membuat laporan dan telah pun menghantar—saya rasa kepada pihak Jawatan-Kuasa ini. Ini kita hendak-lah sama² menunggu, sa-hingga kita mendapat segala laporan yang akan di-bentangkan kepada kita nanti.

Di-atas soal pelajaran agama, pihak Parti Islam sa-Tanah Melayu tidak sa-orang pun yang bangun berchakap tadi menguchapkan terima kaseh atau berasa bangga kerana Kerajaan telah menguntukkan dalam meshuarat belanjawan yang lalu sa-banyak \$2½ juta untuk guru² agama di-Sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan. Ini patut sa-kali Parti Islam yang menganut pada ajaran Koran dan hadith itu menguchapkan terima kaseh, tetapi tidak sa-patah pun Ahli itu menyebutkan dan ta' sa-patah pun menguchapkan terima kaseh kepada Kerajaan.

Berkenaan dengan Titah di-Raja tentang soal luar negeri, banyak Ahli² yang telah berchakap, tetapi wakil dari Bungsar mengatakan pendirian Kerajaan Perikatan ini ta' tegas. Saya suka menyatakan dalam manifesto Perikatan ia-itu segala janji² Perikatan telah pun Kerajaan tunaikan, tetapi saya hairan oleh sebab wakil Bungsar tadi dengan terang² menunjukkan belang-nya ia-itu ia bertanya kenapa-kah Kerajaan Persekutuan tidak bersuara kepada Cuba—Castro dan lain² lagi.

Tetapi ia menudoh pula yang Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sa-bagai “tool Amerika” atau “perkakas” Amerika. Tetapi soal Laos, Ahli Yang Berhormat dari Bungsar tidak menegor, sebab mereka itu selalu pro kominis, pro Russia—tidak pro kominis pun—pro Russia, kerana Russia ada champor tangan di-Laos. Maka dalam perkara ini saya berasa hairan di-atas pendirian dan sikap Socialist Front. Dan juga wakil dari Damansara mengatakan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak berdiri tegas dan tidak menyokong di-atas perjuangan Angola untuk

menchapai kemerdekaan, dan juga tidak mendesak Kerajaan British supaya membebaskan Jomo Kenyatta ia-itu pemimpin Mau-Mau di-Kenya. Jadi ini semua menunjukkan pendirian masing² parti. Tetapi walau bagaimana pun, saya perchaya dasar luar negeri kita sangat-lah memuaskan, langkah dan pendirian Yang Teramat Mulia Perdana Menteri ada-lah tegas, yang mana hampir seluroh dunia telah memberikan ucapan tahniah kepada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri, dan yang tidak memberi ucapan tahniah dan berasa tidak puas hati di-atas langkah Yang Teramat Mulia itu ia-lah PAS., Socialist Front dan P.P.P.

Wakil dari Bachok dan Tanah Merah menentang di-atas usaha Yang Teramat Mulia hendak mengadakan satu Pertubuhan Negara Islam ia-itu Commonwealth Negara Islam

Enche' Zulkiflee bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, on a point of explanation. Saya tidak menentang, saya chuma menengok perkembangannya. Dalam surat khabar hari ini pun ada mengatakan, saya tidak menentang.

Mr. Speaker: Ia kata, ia tidak menentang.

Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Wakil Tanah Merah tidak ada menyebut Commonwealth Islam.

Mr. Speaker: Wakil Tanah Merah tidak ada menyebut perkara itu.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman: tetapi jika tidak menentang pun, Tuan Yang di-Pertua, patut-lah Ahli² Yang Berhormat itu menguchapkan terima kasih, kerana saya tahu PAS juga ada berchadang pada tahun sudah, ia-itu Ketua Pemuda PAS yang telah hadir dalam persidangan di-Cairo, tetapi ia telah keluar, kerana tidak mendapat mandat daripada Persekutuan Tanah Melayu, beliau hadir sa-bagai diri-nya sendiri.

Berkenaan dengan keamanan, kita telah banyak mendengar pagi ini tentang Ma Cheng dan Wah Kie. Saya sa-bagai ahli Perikatan, yang mana M.C.A. ada-lah satu badan yang bersama dengan U.M.N.O. dan M.I.C., saya berasa dukachita di-atas tuduhan²

wakil dari Ipoh yang mengatakan pemuda M.C.A. terdiri banyak daripada Mah Cheng dan Wah Kie atau kongsi gelap. Saya suka memberi tahu dalam Dewan ini, ia-itu jangan-lah menudoh pemuda M.C.A. sahaja atau lain² pemuda, tetapi dalam P.P.P juga saya perchaya ada, kerana bukti-nya pada tahun sudah ia-itu sa-hari terdahulu daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ka-Serang Tengah untuk membuka satu chawangan U.M.N.O., polis telah menangkap sa-orang pemuda China dekat dengan Juru ia-itu satu sungai. Pemuda itu ada membawa sa-laras pistol, dan apabila di-pereksa di-dapati pemuda itu ada membawa kad P.P.P.—ahli P.P.P. Jadi yang membela-nya pun ia-lah sa-orang loyer dari Ipoh yang bernama D. R. Seenivasagam. Saya perchaya D. R. Seenivasagam ini ia-lah Setia-Usaha P.P.P.

Berchapak tentang Malayanisation, saya suka menerangkan di-sini ia-itu Kerajaan memang mengambil berat tentang soal ini. Pada pendapat saya lebeh baik ada 100 atau 1,000 pegawai expatriate yang betul² ta'at setia kepada Persekutuan Tanah Melayu daripada 100 atau 90 atau 10 pegawai tempatan yang berpaling kepada Marxism atau Lenin. Jadi di-dalam soal pegawai² ini saya suka menarek perhatian pehak yang berkenaan ia-itu kebanyakan pegawai² tinggi yang ada pada hari ini tidak bekerja dengan begitu lichin dengan pegawai yang di-bawah tangan-nya. Kita dapati pegawai rendah dalam Division III dan IV tidak begitu hormat kepada pegawai tinggi dalam Division I. Dalam perkara ini saya berasa hairan sebab jikalau pegawai tinggi dalam Division I itu orang puteh, kita dapati pegawai rendah dalam Division III dan IV selalu menghormati pada pegawai tinggi itu. Jadi sa-kira-nya perkara ini berjalan terus begitu sahaja maka tidak-lah dapat jabatan yang berkenaan itu berjalan dengan lichin.

Enche' S. P. Seenivasagam: Mr. Speaker, Sir, the Honourable Member who spoke last referred to a paragraph in His Majesty's Gracious Speech where His Majesty has expressed his satisfaction at the feelings of personal

friendliness which exist between both sides of this House. I would like to assure the Honourable Member who spoke last that on our part we have and still will continue to have feelings of the greatest personal friendship with Members who sit on the other side. I do hope that, just because he feels that we have attacked like tigers, he will not consider us as wild animals waiting to devour those who sit in front of us. I would like to assure him that if in return the Alliance attacks us like tigers, it will not affect our feelings, our personal friendship, for the other side. Each one of us, when we attack, does so because we conscientiously believe that, having been returned to this House, it is our duty to attack if we consider that there is reason to attack, and I am sure the Alliance Members expect us to attack when necessary.

Now, let us consider how this unpleasant situation in this House has arisen today. I think the blame must be laid squarely on the Honourable Member who moved the motion before the House. It is a pity that in moving a motion of such importance, the Honourable Member for Larut Selatan should have seized the opportunity to do a bit of propaganda for his political party—and not satisfied with that, he took the liberty of making an attack on Opposition political parties. He singled out the Peoples' Progressive Party for this purpose and in so doing what did he say? I was not here but this is what I have been told: in effect, what he said was, "Look at Menglembu, where the Peoples' Progressive Party is in control. What has happened? The people are living in fear.", and so on. However, I think, if the Honourable Member had paused to consider the duties of an elected member of this House, or even the duties of an Ipoh Town Councillor, he would not have been so rash or hasty to blame the Peoples' Progressive Party for the state of lawlessness that exists in Menglembu, because when a person is elected for a constituency he does not take over the Police duties for that constituency. An Ipoh Town Councillor is not entrusted with law enforcement

duties. We have got limited powers. A Member of Parliament has no power at all if he belongs to the Opposition. The Police are under the control of the Alliance Government, and for any lawlessness, the ultimate responsibility lies on the Alliance Government and the Alliance Government alone. How can it be said of an elected Member of the Opposition: "You were elected for Menglembu; now, look at what happened in Menglembu."? If the situation gets bad in Menglembu, it is due to the lack of efficiency, or perhaps some other reason, on the part of those entrusted with the task of preserving law and order in Menglembu—not the Peoples' Progressive Party.

Now, I would like to refute a few untruths—to put it politely—which were uttered by the Honourable Member for Kluang. One of the untruths, which is more in the nature of a joke, I hope, is that the Peoples' Progressive Party belongs to the Seenivasagam Brothers and, therefore, there are no gangsters, or at least he did not know whether there were gangsters or not in the Peoples' Progressive Party. I do not blame him for it, and I am sure that the Honourable Member for Ipoh does not claim to have such powers—that the two of us alone could have influence in eight State constituencies and five Parliamentary constituencies. The Peoples' Progressive Party is a political party like any other party; it belongs to the members, and we are elected as office bearers annually just as office bearers are elected in any political party. Therefore, I do not think that with the intelligence which one presumes the Honourable Member possesses he could have meant seriously what he did say. (*Interruption*).

The Honourable Member took grave exception to the allegations which were made against the Mah Ching organisation. However, all that he could do was to praise himself and his organisation. He did not really refute any of the allegations that were levelled squarely against the Mah Ching this morning. The Honourable

Member for Ipoh gave the name of a man in Chendrong—and I think Members on the other side will appreciate that whenever the Peoples' Progressive Party makes an allegation it is prepared to substantiate it. We gave the name of a man who is the leader of a youth section in Chendrong new village and that has not been denied. Further we do not say that in this House only. I promise Honourable Members that we will repeat that in Ipoh tomorrow.

The Honourable Member for Kluang says, "It is unfair to attack members of the public who are not here." Again, I assure him that most of the statements made in this House this morning have been made outside this House, and what has not been made outside this House will be repeated outside this House within two or three days.

As for the Honourable Senator Mr. Yeoh Kian Teik, the Honourable Member for Kluang says that he is sure the Honourable Mr. Yeoh Kian Teik will not allow the allegations made this morning to be overlooked. In fact, in regard to the Honourable Senator, some of these allegations have already been made in public and the rest of them will in due course be made in public. We claim no privilege here, although by our Standing Rules and Orders we are entitled to privileges—and indeed I think that in every Parliament the purpose of granting privileges is to enable a Member to say in the House something which he cannot with impunity say outside: that is the purpose of granting the privileges to Members of the House—otherwise there is no meaning. However, we do not take advantage of that. What we say in this House, if challenged, we will repeat outside this House.

The Honourable Member for Kluang asks, "Why is it always that only the M.C.A. get hurt in clashes?" Well, one week ago there was a Local Council election at Chenderiang where the P.P.P. and the M.C.A. were the contestants—and what happened at Chenderiang? At Chenderiang the P.P.P. workers were ambushed in a

section of the new village which has barbed wire around it. They were pelted with broken bottles and they had to creep under the barbed wire and got scratched all over the body. Perhaps, the Honourable Member living in Kluang does not know what is going on in Perak, but the Honourable Member for Ipoh is talking of what he knew and not what he did not know, as the Honourable Member for Kluang was doing.

He took grave exception to the allegation that the M.C.A. was organising a Legal Aid Fund to assist gangsters in the Mah Ching. He said, "No, it is not for that purpose. It is to prosecute people in the P.P.P. and the Socialist Front who may attack the Mah Ching." But perhaps if he reads the newspapers, he will realise that when the man in Chendrong was arrested and detained by the Alliance Police—not the P.P.P. Police—a statement was immediately issued saying that legal aid was going to be offered the man and that in future aid would be available to all members of the Mah Ching who were arrested and detained—and indeed a complaint was made in the Chinese press that members of Mah Ching were persecuted by the Police. Those are the facts and they are recorded in the papers for those who wish to remember.

Now, referring to Jinjang, and I am not speaking on behalf of the Socialist Front, but it has been mentioned, and I think that I should say something on it. The Honourable Member for Kluang assumes that it was all the fault of the Socialist Front, but I must give due credit to the Honourable the Prime Minister, because when he spoke in Jinjang he did not presume to know whose fault it was. He said, "I do not know whose fault it is, but if it happens again it must be declared a black area." Perhaps, the Honourable Member for Kluang has done Mah Ching a disservice by not informing the Honourable the Prime Minister where the fault lay before the matter was raised in this House. Indeed, I do not think that there is any justification for the Honourable

Member for Kluang to be shocked at the revelation made in this House this morning because, if I remember correctly, a few days ago at their own meeting they decided to advise their youths not to wear yankee pants. How did that necessity arise? If they were all decent honourable men, why was it necessary at a meeting openly to say "we have advised our men not to wear yankee pants",

Finally, he made a somewhat serious statement. He said that \$16,000 had been collected and he warned us—he warned the P.P.P.—"in future, if you try to be funny with the Mah Ching, you are going to be convicted or you are going to be prosecuted." Now let me assure the Honourable Member that neither \$16,000 nor \$16 million is going to secure any conviction in a court of law, because in this country convictions are not secured or measured by the amount of money which you have in your Legal Aid Fund. It is the truth and the truth only that counts in a court of law. I hope the day will never come, and I hope the Honourable Member is not anticipating the day when, with money, he could secure convictions against Members of the Opposition.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun pada kali ini ia-lah untuk menentang . . .

Mr. Speaker: Saya chuma hendak mengingatkan—Yang Berhormat tadi sudah berchakap atas usul yang pertama. Jadi jangan di-ulangkan balek kapada perkara itu. Chakap atas pindaan itu sahaja, sebab memberi peluang kapada orang yang belum berchakap lagi.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud: Saya tidak hendak berchakap atas apa yang saya sudah chakapkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya menentang atas chadangan ia-itu satu pindaan yang di-bawa oleh wakil dari Bachok. Dalam pindaan itu ia menegaskan kata-nya: "tidak di-sebutkan didalam-nya dengan tegas 'azam Kerajaan Kebawah Duli akan memelihara dasar ke'adilan di-dalam sikap-nya di-dalam

masaalah² antara bangsa." Ini satu daripada pindaan yang saya fikir tidak-lah patut di-buat pada usul yang pertama untuk memberi satu ucapan tahniah kapada Duli Yang Maha Mulia atas ucapan titah baginda itu. Sikap Kerajaan kita terhadap segala bangsa dalam dunia ini yang mana kita ada-lah bersikap bebas dan 'adil. Dalam keterangan yang kita dengar ada-lah asas-nya maka pindaan yang di-buat itu pada fikiran saya ia-lah di-tujukan kapada dua Negeri ia-itu atas kedudukan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan bebas Algeria, dan lagi satu yang saya dengar wakil dari Tanah Merah mengatakan atas sikap Kerajaan kita dengan Kerajaan Siam. Kita bersimpati dengan pemberrontakan Algeria sa-bagaimana kita chontohkan ia-itu kita telah memberi layanan yang baik terhadap wakil yang datang ka-Persekutuan Tanah Melayu sa-bagaimana sambutan² yang besar, dan ucapan² daripada wakil itu kapada kita semua dan juga derma yang diberikan oleh ra'ayat jelata bahkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Ada-kah tidak ini yang menunjukkan yang kita bersama² dengan Kerajaan Bebas Algeria itu?

Yang kedua berkenaan dengan orang² Melayu di-Selatan Siam yang telah di-sebutkan oleh wakil dari Tanah Merah. Saya perchaya ada-lah segala berita² yang di-dengar oleh kita di-Tanah Melayu ini ia-lah melalui surat khabar dan juga melalui daripada peraih² yang datang dari Selatan Siam yang berasal dari Tanah Melayu. Kita belum tahu apa-kah kedudukan yang sa-benar-nya telah terjadi dalam negeri Siam itu atau di-kenal dengan negeri Thai. Yang pertama hal ini ia-lah hal negeri Thai sendiri. Kita ta' boleh champor. Saya telah melawat ka-negeri itu. Saya tahu bagaimana Kerajaan Siam melayan orang² di-situ. Mereka di-benarkan memileki tanah, mereka di-benarkan beragama bahkan Kerajaan Siam menguntukkan tiap² kaum bagi membuat surau dan membuat masjid. Jadi yang kita dengar bidasan² yang di-katakan oleh wakil tadi terhadap orang² Melayu maka tentu-lah ada sebab² di-sebalek-nya. Tetapi saya perchaya perkara itu tidak benar yang Kerajaan itu menindas seluroh orang²

Melayu yang berasal Melayu di-Selatan Siam itu. Saya telah pergi ka-sana dan saya juga telah berpeluang berchakap dengan orang² Melayu di-sana dan saya mendapat berita bahawa perkara keganasan yang telah terjadi di-atas perbuatan perasaan fanatic itu dan dengan fanatic atau ta'suf perhubungan yang melulu maka dengan sebab itulah perbuatan yang tidak di-kehendaki yang menghalang atan mengancam keamanan negeri itu yang menentang Kerajaan negeri itu, maka Kerajaan Siam

Mr. Speaker: Itu sudah lebeh. Saya benarkan juga tadi, ini sudah lebeh daripada patut dan tidak ada kena-mengena dalam perkara ini.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud: Jadi saya menegaskan bahawa berita itu ada-lah bohong. Kedua, soal pindaan ini. Ada-lah pindaan yang di-katakan kepentingan negeri ini dalam masaalah antara-bangsa berkenaan dengan hadiah kita \$11 juta kepada Kerajaan Vietnam. Bagi kita penduduk negeri yang bebas yang berjiran, yang berbaik dengan segala negeri yang di-sekeliling kita maka satu kewajipan kita ia-lah untuk memberi bantuan kepada mereka yang meminta bantuan untuk mengamankan negeri itu, bukan untuk memberi bantuan kepada negeri itu bagi mencerubohi negeri lain maka rasa saya tidak-lah patut usul ini dimasukkan untuk di-sampaikan kepada Duli Yang Maha Mulia itu.

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-sini bagi menyatakan sokongan saya di-atas pindaan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat wakil dari Bachok sa-bagaimana yang di-tegaskan oleh wakil itu pada pagi tadi bahawa satu daripada perkara yang mendorongkan pindaan ini di-kemukakan ia-lah supaya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak berat menjalankan apa² langkah yang menasabah yang sa-wajarnya kerana menyiasat kekejaman yang di-katakan telah di-hebahkan berlaku-nya ka-atas orang² Melayu di-Siam itu. Tidak-lah maksud saya hendak memanjangkan keterangan itu, tetapi apa yang patut saya ulangkan di-sini ia-lah

perasaan atau keinginan supaya Kerajaan negeri ini mengambil perhatian dan mengadakan langkah atas masaalah penindasan orang² Melayu di-Selatan Siam itu bukan sa-mata² di-timbulkan oleh Ahli Persatuan Islam sa-Tanah Melayu yang bersifat parti pembangkang dalam Dewan ini atau kerana sebab² politik parti ini, tetapi chadangan ini telah di-timbulkan juga daripada beberapa bahagian UMNO dalam negeri ini sa-bagaimana satu berita yang tersiar baharu² ini satu chadangan yang telah di-luluskan oleh UMNO bahagian Kuala Trengganu yang meminta ibu Pejabat UMNO supaya mengambil langkah sa-kurang²-nya menyiasat atau apa langkah yang lain yang wajib atas masaalah kekejaman yang berlaku ka-atas orang² Melayu di-selatan Siam itu.

Kami tahu usul ini akan di-tolak, tetapi kami merasa sangat-lah menasabah kami memohon kepada Perdana Menteri khas-nya atau kepada Kerajaan negeri ini 'am-nya supaya tidak-lah kira-nya memberatkan pada masa yang akan datang menjalankan sa-satu langkah walau pun satu langkah yang paling kecil memerentahkan kepada wakil Duta kita yang ada di-Siam itu bagi menyiasat dan membuat laporan yang lengkap di-atas berita yang di-hebahkan pada masa yang telah lalu.

Tuan Yang di-Pertua, beruchap kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong maka saya suka hendak menyentuh satu perkara yang tersebut dalam titah Seri Paduka Baginda itu ia-itu berkenaan dengan kemudahan atas pelajaran menengah di-negeri ini. Menurut titah Seri Paduka Baginda itu bahawa kemudahan akan di-tambah untuk memperoleh pelajaran dengan menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar baik dalam peringkat rendah mahu pun peringkat sekolah menengah. Ini ada-lah satu keazaman yang kami junjong tinggi, tetapi apa yang kami harapkan ia-lah kesungguhan-nya dalam mengisikan dan melaksanakan azam atau kenyataan yang telah di-lapadzkan oleh baginda itu. Oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, tidak sempurna-nya dan tidak lengkap-nya kemudahan² bagi melakukan atau bagi memajukan pelajaran

menengah dalam bahasa kebangsaan ini. Ketidak sempurnaan itu telah menimbulkan beberapa perkara yang tidak puas hati dan ketidak puashatian ini-lah yang telah mendorongkan baharu² ini di-mana telah berlaku satu mogok di-Sekolah Menengah Dato' Abdul Razak, Tanjong Malim, Perak. Terlanjur saya menyebutkan hal ini suka-lah saya memberi pandangan bahawa dalam soal pemogokan penuntut² di-Sekolah Menengah Dato' Abdul Razak itu Kementerian Pelajaran telah melakukan satu kesalahan dengan menutup sekolah itu serta memerentahkan penuntut² itu pulang ka-kampong, sebab saya katakan salah dan silap, oleh kerana ini ada-lah satu kerugian—kerugian yang akan diterima dan menimpa murid² itu dalam pelajaran mereka.

Sa-patut-nya langkah menutup sekolah itu tidak-lah di-jalankan apa lagi menghantar penuntut balek ka-kampong-nya, tetapi apa yang patut di-jalankan oleh Kementerian Pelajaran ia-lah sa-kurang²-nya memberi chuti buat sementara kapada Guru Besar atau Pengetua sekolah itu, yang terang² tidak di-ingini oleh penuntut itu dengan sebab² yang menasabah; itu-lah langkah yang patut di-buat, bukan-lah dengan menghantar penuntut² itu balek ka-kampong-nya. Saya perchaya bahawa satu penyiasatan akan di-jalankan di-sekolah itu, dan hendak-nya penyiasatan itu ada-lah satu penyiasatan yang 'adil dan rapi yang tidak akan menganiaya nasib penuntut² Melayu itu dalam lapangan pelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Seri Paduka Baginda ini dalam masa-lah pelajaran telah di-sebutkan bahawa dua perkara yang besar dalam hal Pelajaran akan di-ambil berat. Pertama, menaikkan had umur berhenti sekolah dan yang kedua memberi pelajaran perchuma kapada kanak² negeri ini pada masa yang akan datang. Saya rasa kedua² perkara ini tidak-lah chukup, sa-kurang²-nya ada perkara yang besar yang patut di-ambil berat oleh Kerajaan pada tahun ini, ia-itu memberi pelajaran menengah yang chukup, mengadakan kelas yang chukup bagi beribu² anak² Melayu yang lulus dalam pelajaran rendah di-

negeri ini yang tidak dapat peluang melanjutkan pelajaran-nya dalam sekolah menengah. Sunggoh pun dalam Titah Seri Paduka Baginda telah di-sebutkan berkali² ia-itu Sekolah Lanjutan akan di-adakan kerana menampung kekurangan kelas pelajaran bagi penuntut yang telah tamat sekolah rendah, tetapi satu perkara yang patut di-insafi oleh kita bersama Kementarian Pelajaran khusus-nya, ia-itu ibu-bapa orang Melayu khas-nya tidak puas hati dan mereka merasa tidak-lah chukup dengan Sekolah Lanjutan. Apa yang mereka mahu ia-lah kelas pelajaran menengah bagi mereka yang telah lulus sekolah rendah.

Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya masalaah menampung hasrat ibu-bapa Melayu dalam pelajaran menengah ini bagi anak mereka tidak di-isi dan di-ambil berat oleh Kerajaan negeri ini atau oleh Kementerian Pelajaran negeri ini, maka masa-nya akan tiba, kita akan melihat ibu-bapa Melayu—kerana negeri ini negeri demokrasi sa-bagaimana yang di-katakan oleh Menteri—akan mengadakan tunjok perasaan (picket), bukan sahaja di-hadapan Pejabat Pelajaran Daerah bahkan akan di-hadapan Kementerian Pelajaran, hatta di-rumah Menteri Pelajaran atau Menteri Penolong Pelajaran—saya tidak menyuruh supaya ibu-bapa buat demikian, tetapi masa-nya akan tiba yang perkara ini akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah satu daripada perkara yang besar yang saya rasa patut di-ambil berat oleh Kerajaan negeri ini.

Enche' Tan Phock Kin (Tanjong):

Mr. Speaker, Sir, when the Honourable Member for Bachok brought the amendment on the motion I expected discussion to take place on the subject of foreign affairs. However, speaker after speaker spoke and they spoke on something other than foreign affairs.

Mr. Speaker: I must warn you that they are quite in order. Although we are debating the amendment, Members of this House are at liberty to speak on the original motion. Otherwise I would have stopped them. You need not comment on that.

Enche' Tan Phock Kin: I am merely explaining my confusion; and having realised that we can speak on the original motion I gather courage to stand up to speak on the original motion because you, as Speaker of this House, Sir, have ruled that we can do so. When the Honourable Member for Larut Selatan moved the humble Address to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong I noticed that he was trying to adopt the procedure of the British Parliament whereby he tried to be as non-controversial as possible, and he referred to his constituency. But unfortunately his plans misfired. The Honourable Member for Ipoh took great exception to his reference to Menglembu and as a result of that we had a very interesting discussion on thugs and secret societies.

The Honourable Member for Larut Selatan also took a great deal of trouble by his eloquent speech to create the impression that he is extremely modest, because in his speech he has told this House that he is not going to flatter himself by saying that he is the most outstanding of the Alliance Back-Benchers. In the course of the debate, we had the opportunity of listening to eminent Alliance Back-Benchers, such as the Honourable Member for Kluang Utara, and also the eminent Member for Sepang, and I feel that the Honourable Member for Larut Selatan is overdoing it by saying that he is not going to flatter himself. Even if he were to say that he is going to flatter himself by saying that he is the most eminent of the Alliance Back-Benchers as far as speech-making is concerned, I for one will not say that he is boasting, because to be the most outstanding need not necessarily mean that he is good. So, the very fact that the Honourable Member for Larut Selatan has been chosen two years in succession to make this Address of Thanks to His Majesty is, perhaps, a testimony of the fact that as far as the Alliance is concerned he is considered to be pretty good and that the Alliance is having great difficulty to find somebody else to take his place, so much so that in spite of the blunders, in

spite of the misfire, last year as well as this year, the Alliance next year may find that it still, in spite of all these, has no alternative but to call upon him again to deliver the Address.

Mr. Speaker: A very long preamble! (*Laughter*).

Enche' Tan Phock Kin: Mr. Speaker, Sir, I shall now come to the Speech of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. In view of the fact that a great deal of time has been spent during this debate on the question of thugs and secret societies, perhaps, it is appropriate for me, first of all, to refer to the Ministry of Internal Security. I do this for two good reasons: firstly because the subject has been discussed at great length during this debate and secondly because the Honourable the Minister of Internal Security is present in the House tonight and listening attentively to what I am saying. So, I shall seize this opportunity of commencing my comments on the Ministry of Internal Security.

Sir, in the Gracious Speech, great emphasis has been laid on the question of peace and security in this country and the determination of the Government to maintain appropriate steps and measures for the purpose, and one paragraph went on further to say, and I quote:

"In order to commemorate the successful termination of the Emergency and to record this country's appreciation of the sacrifice and service of the security forces and of those who bore their part in the campaign, the Government intends to erect a worthy monument depicting the victory of our forces over the enemy and the triumph of democracy over communism. This monument will stand, together with a fitting memorial to those who gave their lives in this glorious cause, in surroundings of dignity and beauty in the Lake Gardens in Kuala Lumpur. It will be completed by Merdeka Day, 1962, at a cost of over one million dollars. It is the intention of my Government, which is providing approximately half this sum, that the people of this country should be given an opportunity of showing their tangible appreciation of its historic significance by making their contribution towards this permanent record of the glorious services of our Security Forces, the Commonwealth Forces and the civilian population."

I must say here, Sir, that whilst agreeing to the erection of a memorial to commemorate the termination of the Emergency and victory of democracy over communism, I feel that such a large sum of money should be spent on some useful purpose. Surely one can commemorate the memory of those who died for a glorious cause in a more appropriate and more useful manner. One can build, perhaps, a school for the blind or a school for the deaf with this tremendous sum of money rather than to build a monument that will serve no useful purpose to the community. By building some useful school or something of that sort, we can still commemorate the memory of those who died for the cause of democracy. It does not mean that we cannot do so—to build a memorial—but I for one cannot see the logic of the expenditure of such a sum of money for a monument. And, above all, who is going to build this monument; are they going to be craftsmen of Malaya who are skilled in Arts; or is it going to be a Malayan product made by Malaysians? Unfortunately, I cannot see anywhere in the speech to tell us something about this monument that is going to cost us over \$1 million. It merely says that the “monument will stand, together with a fitting memorial to those who gave their lives, in surroundings of dignity and beauty.” But it says nothing about where the memorial is going to come from and who is going to make the memorial, but I believe, Sir, that the decision to have this memorial came very abruptly. If I am not wrong, Sir, from reports, I believe that the idea of having a memorial struck the Prime Minister when he visited the United States. When the Honourable the Prime Minister visited the United States, he was shown around various places of interest and among the things shown to him was the famous Iwo Jima memorial. Sir, according to the reports, the Prime Minister was so impressed with the Memorial that he placed an order for a similar memorial to be made by the same people for Malaya. So, you see, Sir, that we will be spending this very large sum of money on a memorial

that is to be made in America, a memorial with American ideas, a memorial which will be erected in the spirit of the Americans.

Mr. Speaker, Sir, I feel that the question of erecting a memorial in a country like Malaya, which has just achieved independence, should be to see to it that it is one for national pride, and national craftsmen should be encouraged at all costs. Apart from the fact that I oppose the erection of a memorial which is of no utility, if the Honourable the Prime Minister feels strongly enough that such a memorial is necessary, then I feel that the people of this country should be called upon to make it. The people of this country should be called upon to design it and, I would suggest, that the memorial should be made from materials produced in this country. It is only by so doing that we can demonstrate to the people of the world that we are proud of what our people and our country can produce.

During the colonial regime, whenever a memorial was erected, it is understandable that it was copied piece-meal from colonial countries. We have statues in Kuala Lumpur and in various parts of Malaya which are not unlike statues in London, Birmingham or in Edinburgh. But we have now attained independence and we must have our own ideas as to what is appropriate as a memorial in our own country. If one goes to Japan, we will see something characteristically Japanese in the form of a memorial; you have the Yasukuni Shrine and various things which are typically Japanese; you go to India, you will see various memorials which are typically Indian—and of nowhere else; and people from countries all over the world flock to Japan and India to have a look at the beautiful memorials which are indigenous. Why should it be that in this country, after attaining independence, no attempt has been made whatsoever to encourage our local people, local craftsmen, to pursue this art? We can only do so by encouraging them and in

order to encourage them we must make use of.

Mr. Speaker: You have been repeating too much.

Enche' Tan Phock Kin: I am sorry, Sir, I was unaware that I have been repeating.

Mr. Speaker: I am only reminding you.

Enche' Tan Phock Kin: Sir, in the light of what I have said, if it is not already too late, perhaps, something could be done about this matter. If a memorial we must have, let us have something that will have some utility to the people of this country.

It is interesting to hear of the Emergency coming to an end; it is very interesting to hear that we are building memorials; but it is my earnest hope that if democracy has already triumphed over communism, let us hope that the Honourable the Minister of Internal Security will see to it that we in this country can enjoy all the freedoms of democracy. Let us hope that he can see his way to amend the Internal Security Ordinance. During the course of this debate, we have heard of speeches with regard to thuggery and gangsterism. I would appeal to the Honourable Minister that if he must use arbitrary powers, such powers be confined to thugs and secret society gangsters, irrespective of the fact that they are members of Mah Ching or the M.C.A.

An HONOURABLE MEMBER: Or the Socialist Front!

Enche' Tan Phock Kin: and that his fondness of using arbitrary powers should not be directed towards members of political organisations, particularly members of opposition political organisations. Let us hope that now that we are going to have a memorial it will be one to remind us that we are living in a democracy, that he will see to it that as far as speech, association and assembly is concerned he can see his way towards lifting the

very drastic restrictions on the freedom of assembly, freedom of publication and freedom of speech, because I believe that he is also the Minister of the Interior and that is under his jurisdiction.

Sir, in my capacity as the General Secretary of the Labour Party, I had the misfortune of receiving letters from his Secretary reminding me that my Party and Divisions of my Party should not publish newsletters, because according to his definition, he considers newsletters to be newspapers, and newspapers according to the Printing Press Ordinance requires a permit, and according to the definition of "newspaper" in the Printing Press Ordinance, everything can be construed as a newspaper. If my party holds a meeting and make certain decisions, and if I should decide to cyclostyle such decisions in the form of a newsletter for circularisation to my members, according to the Ministry it is a newspaper and I must apply for permission before I can publish it. I put it to this House, Sir, that this is a definite restriction on the liberty of a person to publish and, as a result of this, it is almost impossible for political parties to put forward its views to convince others.

On one occasion, we had a Conference in Johore Bahru, and, because publishing costs in Johore Bahru are more expensive than in Singapore, we decided to publish our report and to get it printed in Singapore.

Dato' Dr. Ismail: Shame!

Enche' Tan Phock Kin: But when the parcel of annual reports was sent back from Singapore, it was stopped by the Ministry, and we were told that we could not collect our annual reports without getting permission from the Ministry of the Interior. So, as a result of that we have to submit copies for scrutiny, and after a great deal of difficulty we managed to get the report into the Federation of Malaya. This I submit, Sir, is unnecessary hindrance on publication. It seems to me that as

far as the Ministry is concerned, they make no differentiation whatsoever. However.

Mr. Speaker: Time is up. Are you going to finish?

Enche' Tan Phock Kin: No, Sir.

Mr. Speaker: The meeting is adjourned to 10 o'clock tomorrow morning.

Adjourned at 11.00 p.m.